

**KOMPENEN KEPIMPINAN DIMENSI AL-QALB DARI PERSPEKTIF  
KEPIMPINAN ISLAM: SATU ANALISIS KAJIAN LEPAS  
LEADERSHIP COMPONENTS OF THE AL-QALB DIMENSION FROM THE  
PERSPECTIVE OF ISLAMIC LEADERSHIP: AN ANALYSIS OF PAST  
RESEARCH**

Halim Mokhtar<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>2</sup>, Mustafa Kamal Amat Misra<sup>3</sup>,  
Zulkefli Aini<sup>4</sup>, Abdul Haiy Mahmud<sup>5</sup>, Muhammad Fakhur Razi Shahabudin<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, halim@kuis.edu.my .

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Dakwah & Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, yusufmarlon@kuis.edu.my .

<sup>3</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mustafakamal@kuis.edu.my .

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, zulaini@ukm.edu.my .

<sup>5</sup> Calon Sarjana Dakwah & Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 21mt09002@student.kuis.edu.my .

<sup>6</sup> Calon Doktor Falsafah Islamiyyat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 22pi01001@student.kuis.edu.my .

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Isu kepimpinan sering kali dikaitkan dengan perbuatan rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah, kroni dan lain-lain lagi. Perkara ini berlaku kerana sikap segelintir pemimpin yang culas dengan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan. Sikap ini merupakan perbuatan yang akan merosakkan institusi dan organisasi dalam struktur sesebuah kepimpinan. Elemen Ihsan tidak lagi subur dalam jiwa pemimpin, apatah lagi soal memikul tanggungjawab dan amanah. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji kompenan kepimpinan berdasarkan dimensi al-Qalb dari sudut perspektif Islam. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan mendapati terdapat lapan (8) elemen penting dalam konsptual kepimpinan dimensi al-Qalb. Kesimpulannya, dimensi al-Qalb adalah bahagian terpenting dalam pengislahan jiwa dan pembangunan karakter pemimpin di dalam Islam.

**Kata kunci**

*Kompenen, Kepimpinan, al-Qalb, Islam, Elemen.*

**Abstract**

Leadership issues are often associated with acts of corruption, misuse of power, breach of trust, cronies and others. This is happening because of the attitude of a few leaders who are careless with the responsibility and trust that has been given. This attitude is an act that will damage institutions and organizations in the structure of a leadership. The element of benevolence is no longer fertile in the soul of leaders, not to mention the issue of shouldering responsibility and trust. Therefore, this study will examine the leadership component based on the al-Qalb dimension from an Islamic perspective. In addition, this study used a qualitative method and found that there are eight (8) important elements in the leadership conceptual dimension of al-Qalb. In conclusion, the dimension of al-Qalb is the most important part in the cultivation of the soul and the development of the leader's character in Islam.

**Keywords**

Component, Leadership, al-Qalb, Islam, Element

**1.0 Pendahuluan**

Kepimpinan secara umumnya adalah satu bidang yang sangat luas yang merangkumi hampir semua aspek kehidupan manusia. Ini kerana manusia, dalam segala aspek kehidupannya tidak terlepas sama ada menjadi pemimpin atau seseorang yang dipimpin. Agama Islam yang syumul meletakkan seseorang yang memegang tampuk kepimpinan sebagai satu tanggungjawab atau taklif ke atas sesiapa sahaja yang beragama Islam (Noor, M. A., Rajikon, B., Muhamat, R., Saadan, R., & Jano, Z. (2015).

Al-Quran surah an-Nur ayat 55 Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.*

Menurut Imam Ibn Katsir (t.t) dalam tafsirnya al-Quran al-'Azim menjelaskan ayat di atas sebagai janji dari Allah SWT kepada Rasul-Nya SAW, bahawa Dia akan menjadikan umatnya sebagai orang-orang yang berkuasa di bumi, yakni menjadi para pemimpin manusia dan penguasa mereka. Dengan mereka negeri akan menjadi baik dan semua hamba Allah akan tunduk kepada mereka dan Allah akan menukar keadaan mereka sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentosa dan menjadi penguasa atas manusia. Janji itu telah diberikan oleh Allah SWT kepada manusia.

Razaleigh (2010) menegaskan prinsipnya bahawa tanggungjawab memimpin dan mengurus sekumpulan individu atau sesuatu masyarakat untuk mencapai objektif atau matlamat yang terletak kepada bahu pemimpin. Menurut beliau, kejayaan dan kemajuan sesuatu bangsa dan kumpulan bergantung kuat kepada gaya dan metod kepimpinan pemimpin mereka dan berkait rapat dengan kesedaran menunaikan tanggungjawab oleh pemimpin.

Dalam menjalani kehidupan dan tanggungjawab sebagai khalifah, para pemimpin selaku ketua organisasi harus mengutamakan amanah yang diberi dengan sewajarnya. Dalam konteks kepimpinan Islam, bahawa pemilihan pemimpin yang amanah membawa etri yang sangat besar kerana amanah merupakan salah satu sifat para nabi dan rasul Allah SWT. "Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang yang tidak menunaikan janji." (Engku Ahmad Zaki, 2020).

## 2.0 Kepimpinan dalam Islam

Menurut Riggio (2000) dalam Thomas & Wahju (2007: 49-61) kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi bergantung kepada pemimpin dan jenis kepimpinan yang diamalkan. Hellriegel dan Slocum (1992: 43) menyatakan kepimpinan yang berkesan dapat membantu ke arah pencapaian matlamat organisasi. Terdapat beberapa istilah yang menggambarkan konsep pemimpin dan kepimpinan di dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW; antaranya istilah khalifah, imam, imamah atau aimmah.

Istilah khalifah ditujukan kepada manusia yang dijadikan oleh Allah SWT untuk memikul tanggungjawab di muka bumi ini seperti firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 30 bermaksud:

*"Ingatlah kepada Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah dimuka bumi".*

Istilah imam, immamah dan aimmah pula disebut dalam ayat 124, Surah al-Baqarah; ayat 5, Surah al-Qasas; ayat 24, Surah as-Sajdah; dan ayat 74, Surah al-Furqan. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 124, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Aku akan jadikan engkau wahai Ibrahim, imam yakni ketua bagi sekalian manusia".*

Seterusnya dalam ayat 5, Surah al-Qasas, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Dan Kami hendak menumpahkan budi atas mereka yang ditindas di bumi itu, dan Kami hendak jadikan mereka pemimpin-pemimpin; dan Kami hendak jadikan mereka mewarisi bumi".*

Surah as-Sajdah ayat 24, Allah SWT berfirman, maksudnya:

*"Dan Kami jadikan dari kamu ketua-ketua yang memimpindengan perintah Kami, tatkala mereka telah sabar dan adalah mereka yakin kepada ayat-ayat Kami."*

Pada ayat yang lain Allah SWT menyuruh manusia untuk berdoa kepada-Nya seperti firman-Nya dalam Surah al-Furqan ayat 74 yang bermaksud:

*“Hai Tuhan Kami! Jadikan dari isteri-isteri kami dan anak-cucu kami, pendingin mata (menyenangkan hati) dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang berbakti.”*

Empat ayat di atas menjelaskan kepemimpinan dalam konteks yang luas. Ia meliputi ketuanegara, mufti, hakim (kadi), menteri, wakil rakyat, ketua jabatan, penghulu, ketuakeluarga dan apa sahaja yang membabitkan orang di bawah jagaannya.

Dalam konteks konsep kepemimpinan Islam, para fuqaha silam telah menyatakan pelbagai takrif bagi mendefinisikan maksud “Kepimpinan Islam”, antaranya ialah:

a. Al-Imam al-Mawardi (M. 422H) menjelaskan kepemimpinan atau al-Imamah ialah taklif bagi menggantikan tugas nabi untuk menjaga agama dan menguruskan kehidupan dunia.

b. Ibn Khaldun mendefinisikan kepemimpinan merujuk kepada khilafah, yakni membawa seluruh umat manusia untuk berada di atas landasan syariat bagi kepentingan akhirat dan urusan dunia yang memberi manfaat akhirat. Oleh itu, khilafah ialah menggan pihak Allah dan Rasul di dalam hal mengawal agama dan mengurus urusan keduniaan berdasarkan agama.

c. Al-Qalqasyandi (Ahmad b. Abdullah, M 820H) pula mentakrifkan kepemimpinan (al-Khilafah) sebagai wilayah Ammah ke atas seluruh umat, melaksanakan urusan-urusan umat dan memikul segala beban tugas yang melibatkan umat.

d. Al-Imam al-Juwayni menjelaskan bahawa kepemimpinan yang sempurna ialah penguasaan yang menyeluruh mencakupi urusan khas dan am di dalam tugas agama dan dunia yang terkandung di dalamnya, soal menjaga keselamatan negara, menjaga kepentingan rakyat, mengatasi penyelewengan dengan dakwah dan hujjah serta dengan pedang bagi membantu orang-orang teraniaya, memastikan orang-orang yang mempunyai hak itu mendapat haknya, juga memastikan hak-hak itu tidak dirampas oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Namun dalam membahaskan asas kepada kepemimpinan berdasarkan al-Qalb, seluruh ulama feqah bersetuju asas kepada sesebuah kepemimpinan Islam adalah seperti berikut (Muhammad, S., 1997):

1. Kepimpinan Islam (al-Khilafah) adalah memikul tugas bagi pihak Nabi Muhammad SAW.
2. Kepimpinan Islam adalah wilayah Ammah ke atas seluruh umat manusia (rakyat).

3. Tanggungjawab kepimpinan Islam adalah menjaga dan mendaulatkan agama Islam.
4. Tugas kepimpinan Islam juga adalah mengurus dan mentadbir negara mengikut landasan Islam (berdasarkan nas al-Quran, al-Sunnah atau ijihad).

Dapat disimpulkan definisi dan pemahaman ulama-ulama fiqah terdahulu mempunyai konteksual dan konsptual yang sama dalam memahami konsep kepimpinan Islam. Justeru itu, kepimpinan yang terbaik adalah yang paling bertakwa kepada Allah daripada pemimpin, pentadbir, barisan ketenteraan dan seluruh rakyatnya.

### **3.0 Dimensi al-Qalb**

Imam al-Ghazali (1977) meletakkan asas kepada kepimpinan dimensi al-Qalb merujuk kepada tiga (3) tunjang utama, iaitu ilmu, nafsu dan hati. Asas-asas tersebut sentiasa berkait rapat antara satu sama yang lain. Menurut Iqro' Firdaus (2016), *qalb* menjadi sakit apabila kekurangan iman. Iman sangat penting kepada qalb agar dapat menghindari daripada menurut hawa nafsu yang lahir daripada bisikan syaitan. Dalam pada itu, bagi mengukuhkan iman, ia pula memerlukan ilmu.

Iman menurut Bahasa ialah membenarkan atau semata-mata membenarkan (Ibn Katsir, 1981). Di dalam al-Quran telah dijelaskan bahawa di atas keimanan itu timbulnya kebenaran, hidayah dan ilmu. Sebaliknya apabila tidak beriman maka akan muncul dalam diri seseorang itu nilai-nilai negatif berpandukan nafsu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Mukmin ayat 58 yang bermaksud:

*“Dan tidaklah sama orang yang buta dengan orang yang melihat, dan tidaklah (pula sama) orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal saleh dengan orang-orang yang durhaka. Sedikit sekali kamu mengambil pelajaran”.*

Manakala bagi mereka yang tidak beriman pula Allah SWT jelaskan di dalam surah al-Qasas ayat 50 bermaksud:

*maka ketahuilah, sesungguhnya mereka hanyalah menurut hawa nafsu mereka; dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi pimpinan kepada kaum yang zalim (yang berdegil dalam keingkarannya).*

Muhammad Syukri Salleh (2003), menjelaskan bahawa qalb seorang pemimpin perlu dididik dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT bagi memudahkan mereka menjaga status mereka. Pada masa yang sama, nafsu yang jahat juga perlu dididik sehingga dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.

Justeru, pemimpin dituntut untuk menjadikan iman, ilmu dan nafsu sebagai asas dalam kepimpinannya. Dengan kata lain, mereka hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT di samping sentiasa menambah pengetahuan

tentang perkara yang disuruh dan dilarang oleh Allah SWT. Dengan itu, mereka mampu untuk mengawal nafsunya daripada melakukan perkara-perkara yang tidak beretika. Di samping itu, merekajuga dapat menjaga status mereka di muka bumi ini iaitu sebagai khalifah dan juga hamba Allah SWT.

#### **4.0 Elemen kepimpinan dimensi *al-Qalb***

*Al-Qalb* pula adalah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud jantung, hati atau pun kalbu. Menurut Iqro' Firdaus (2016), *qalb* menjadi sakit apabila kekurangan iman. Iman sangat penting kepada *qalbagar* dapat menghindari daripada menurut hawa nafsu yang lahir daripada bisikan syaitan. Dalam pada itu, bagi mengukuhkan iman, ia pula memerlukan ilmu. Menurut al-Ghazali bahawa *al-qalb* adalah raja yang mengawal semua kegiatan yang berlaku pada roh, nafsu dan akal seterusnya berfungsi mengarahkan seluruh pancaindera manusia untuk melakukan kebaikan atau keburukan (Abu Dardaa et. al.,2014).

Dalam agama Islam, Allah SWT telah menyebutkan perkataan *qalb* sebanyak 132 kali di pelbagai tempat dalam al-Qur'an al-Karim (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, 1364, 549-551). Perkataan *qalb* ini juga telah didatangkan dalam pelbagai bentuknya seperti *qalbī*, *qulūb*, *qulūbuhumdan* banyak lagi. Sebagai contoh, dalam Surah al-Rad 13:28, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah (mengingati Allah). Ketahuilah dengan zikrullah (mengingati Allah) itu, tenang tenteramlah hati manusia.*

Rasulullah SAW pula telah mengajarkan bahawa tempat jatuhnya segala nilai dan akhlak keperibadian manusia adalah ke *qalb* (kalbu, jantung atau hati). Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya seperti berikut: *"...seorang Muslim adalah saudara Muslim lainnya. Tidak menzaliminya, tidak memalukannya, dan tidak menghinanya. Takwa itu letaknya di sini. Beliau menunjukkan ke dadanya sebanyak tiga kali. Cukuplah seseorang berbuat kejahatan dengan menghinakan saudaranya yang Muslim. Setiap orang Muslim haram darahnya, hartanya, dan kehormatannya"* (Muslim,1998, hadis no. 32, 1035).

Ini bertepatan dengan sebuah hadis lain yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *"Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah itu adalah hati"* (al-Bukhārī, 1998, hadith no. 52, 34; Muslim, 1998, hadith no. 107, 651). Jadi, berdasarkan hadis-hadis tadi, hati atau jantung merupakan punca kepada segala fikiran, emosi, dan tindakan bagi setiap manusia (Razali, W. M. F. A. W., Noor, K. M., Mutalib, M. A., & Jailani, M. R. M., 2020).

Merujuk kepada Razali, W. M. F. A. W., Noor, K. M., Mutalib, M. A., & Jailani, M. R. M. (2020), dalam sebuah kajian bertajuk Empat Sifat Mulia yang Utama dalam

Kepemimpinan Berasaskan Qalb: Pelajaran daripada Ihyā'cUlūm al-Dīn oleh Imam Al-Ghazali (450-505H/1058-1111M). Seperti yang telah dinyatakan dalam buku jingga Kementerian Pengajian Tinggi (2016), qalb adalah unsur utama dalam manusia, yang mengawal pemikiran, tindakan, kelakuan, perasaan dan emosinya, yang berfungsi dengan baik hanya apabila memiliki kesedaran ketuhanan (God's consciousness) atau qalibun salim. Ini diikuti dengan penguasaan yang sempurna serta seimbang kepada empat sifat mulia yang utama: kebijaksanaan, keadilan, keberanian, dan kawalan diri, yang seterusnya akan melahirkan sifat-sifat (leadershiptraits) dan kelakuan-kelakuan (leadershipbehaviours) kepemimpinan yang sebenar.

Menurut al-Ghazali (1982; 1995), keadilan menjadi nilai utama kepada kepemimpinan berasaskan qalb kerana keadilan merupakan kunci utama kepada kepemimpinan yang berjaya. Keadilan di sini juga bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Keadilan ini juga berpunca daripada hikmah yang seimbang, yang tidak berkurang sehingga menghasilkan kebodohan atau kegilaan, malah tidak juga berlebihan sehingga menghasilkan kelicikan dan penuh helah. Keadilan inilah yang menyeimbangkan antara sifat berani dan menjaga diri bagi seseorang pemimpin. Jika terlalu berani, akan mengakibatkan pemimpin itu menjadi sangat diktator dan suka mengarahkan orang lain. Jika terlalu mengawal diri pula menjadikan seorang pemimpin itu menjadi bacul dan penakut. Ringkasnya, kepemimpinan berasaskan qalb adalah dibina daripada kerangka al-Ghazali bagi empat nilai utama (four cardinal virtues) tadi.

Oleh itu, nilai-nilai positif yang mencorakkan sesebuah kepemimpinan berasaskan qalb ini dibina berasaskan kepada empat nilai utama (*four cardinal virtues*) seperti yang telah dibincangkan oleh ramai ahli falsafah etika dan ahli tasawuf. Menurut al-Ghazali (1982; 1995), empat nilai utama (*four cardinal virtues*) ini adalah keadilan ('Adl), kebijaksanaan (hikmah), keberanian (shajācah), dan sifat memelihara diri ('Iffah) (al-Ghazālī). Keempat-empat nilai utama ini perlu dipupuk dan dizahirkan secara tepat dalam diri seseorang pemimpin untuk memastikan perjalanan kepemimpinan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Malah menurut pandangan ramai ahli falsafah etika dan ahli tasawuf, empat nilai utama inilah yang menghasilkan sifat-sifat manusia yang lain berdasarkan keseimbangan dan ketidakseimbangan sifat keadilan ('Adl), kebijaksanaan (hikmah), keberanian (shajācah), dan sifat memelihara diri ('Iffah) dalam hati nurani seseorang.

Seterusnya, kajian kedua yang telah dihasilkan oleh Kamaruding, M., & Kamaruding, S. (2018) bertajuk Aplikasi Kaedah Kepimpinan Berteraskan Qalb dalam Kalangan Pelaku Pembangunan telah meletakkan dua tunjang utama qalb dalam kepimpinan Islam, iaitu elemen al-Qalb dan mekanisme pelaksanaan kaedah qalb dalam kepimpinan Islam. Umumnya elemen qalb dalam kajian ini merujuk kepada tiga (3) perkara, iaitu pelaku pembangunan hendaklah sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah SWT, sesama pelaku pembangunan, dan juga dengan sumber alam. Ketiga-tiga hubungan tersebut sangat penting bagi memastikan mereka dapat menjaga

status mereka sebagai khalifah dan hamba Allah SWT seiring dengan asas-asas kaedah kepimpinan berteraskan qalb iaitu iman, ilmu dan nafsu.

Nor 'Azzah Kamri (2007) merumuskan sebagai hamba Allah SWT, pelaku pembangunan hendaklah sentiasa mengabdikan diri kepada Allah SWT, melaksanakan rukun iman, rukun Islam dan ajaran Islam sepenuhnya. Hal ini dapat menghindarkan diri mereka daripada perbuatan maksiat. Menurut Husin @ Ibrahim Mamat (2007) pula, hubungan pelaku pembangunan dengan Allah SWT akan membentuk diri mereka yang yakin, berpegang teguh dan beramal dengan segala perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW tentang ketuhanan, kehidupan dan kematian, kebaikan dan kejahatan. Penekana hubungan sesama pelaku pembangunan ini sangat penting kerana ia dapat membentuk kepimpinan yang adil, saksama dan berani (al-Mawardi, 1993). Dalam hubungan ini, pelaku pembangunan hendaklah sentiasa saling nasihat menasihati, peka terhadap kehidupan sosial masyarakat dan sentiasa membantu pelaku pembangunan lain yang memerlukan bantuan (Panel Pengurusan Akademi YaPEIM, 2005). Pelaku pembangunan bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan membangunkan sumber alam yang diciptakan oleh Allah SWT. Dalam hal ini, kaedah kepimpinan berteraskan qalbini dapat mengelakkan pelaku pembangunan daripada melakukan kezaliman terhadap sumber alam. Pada masa yang sama, pelaku pembangunan dapat menjadikan sumber alam sebagai peralatan pembangunan untuk membuktikan kehambaan dan kekhalifahan mereka kepada Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Kaedah kepimpinan berteraskan qalb mempunyai mekanisme pelaksanaannya iaitu pelaksanaan hisbat dan juga aktiviti *tazkiyah-Nafs*. Pelaksanaan hisbat menyentuh dua perkara iaitu pertama, amalan mengajak melakukan perkara yang ma'ruf dan kedua, larangan daripada melakukan perkara yang mungkar (Ibn Taymiyyat, 1973 & Al-Mawardi, 1993). Melalui amalan tersebut, pemimpin (pelaku pembangunan) akan secara berterusan dan konsisten untuk mewujudkan kepimpinan yang bertakwa, jujur, amanah, ikhlas, adil, sabar dan tekun serta terhindar daripada sifat-sifat tercela seperti rasuah (Auni Abdullah, 2000; Mardzelah Makhsin, 2008 & Azrin Ibrahim, 2015).

Selain itu, pelaksanaan hisbat juga ingin menjelaskan muhasabatal-nafs iaitu amalan yang menyeru semua pemimpin (pelaku pembangunan) untuk sentiasa menghitung atau mengawal diri sendiri dalam melakukan sesuatu perkara (Mardzelah Makhsin, 2012). Amalan tersebut bertitik tolak daripada rasa kesedaran dalaman dalam diri pemimpin (pelaku pembangunan) melalui proses penghayatan dan penerapan nilai amanah dan tanggungjawab selaku khalifah dan hamba kepada Allah SWT (Azrin Ibrahim, 2010 & Mardzelah Makhsin, 2012).

*Tazkiyah-nafs* merupakan mekanisme yang penting dalam pelaksanaan kaedah kepimpinan berteraskan qalb. Amalan *tazkiyah al-Nafs* merujuk usaha seseorang untuk mengubati qalb mereka daripada segala bentuk penyakit jiwa dan sifat-sifat yang tidak

baik. Qalb yang bersih akan menghasilkan kepemimpinan yang baik dan melahirkan sifat-sifat mahmudah, manakala qalb yang kotor akan melahirkan sifat-sifat mazmumah dalam kepemimpinan seseorang Said Hawwa, 2000). Menurut Mohd Radhi brahim (2012), amalan tazkiyatah-nafs ini dapat membersihkan diri pemimpin (pelaku pembangunan) daripada segala sifat tercela dan penyakit hati seperti takabbur, riya', hasad dengki, cemburu, tamak dan cinta akan dunia. Pada masa yang sama, ia juga dapat melahirkan sifat-sifat mahmudah dan seterusnya dapat menzahirkan akhlakpemimpin (pelaku pembangunan) yang mulia (Ahmad Farid, 2012).

Kajian yang terakhir daripada Suhana Abd Hamid & Ahmad Marzuki Mohamad. (2017) bertajuk Prinsip Amanah Yang Mempengaruhi Al-Qalb dalam Kepimpinan Pendidikan serta Dorongan Pelaksanaan Syura. Berikut adalah elemen yang mempengaruhi al-Qalb dalam kepemimpinan: 1) Hati yang bersih dibasahi dengan zikirullah tanda kesyukuran kepada kebesaran ilahi (Husna, 2013) menjauhi prasangka buruk terhadap organisasi serta menggunakan ruang menyelesaikan permasalahan dengan baik dan adil. Pemimpin mendorong perilaku mulia yang memberi pengajaran dan tunjuk cara ke arah kebaikan (Arieff, 2007) sentiasa bersangka baik dalam usaha mencapai hubungan baik dalam kalangan organisasi dan menghasilkan pendidikan yang mapan (Suhana et. al., 2015). 2) Islam menegaskan sikap bertanggungjawab dalam urusan kepemimpinan dalam aspek kehambaan kepada Allah SWT sebagaimana firmanNya Surah al-An'am 6:162 yang bermaksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya solatku dan ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam"*. 3) Jalinan ukhuwah Islamiah terbentuk dengan rasa cinta kerana Allah SWT, memberi dengan sepenuh hati (ikhlas), sentiasa bersangka baik terhadap ketentuan- Nya, di samping melazimi akhlak mulia. Proses perbaikan akhlak dimulai dengan mensucikan jiwa seperti mengawal perasaan marah dan mengekang hawa nafsu (mujahadah al-nafs) (al Ghazali, 1982). Menurut al-Ghazali, (1982) bahawa akhlak yang baik dapat dibina dengan latihan dan memberi impak positif jika dilakukan dengan rasa kasih sayang, cinta mencintai sesama insan. Kepimpinan juga merangsang sikap toleransi sama ada dalam hal pendidikan atau setia kawan.

Dapatan dan perbincangan di atas telah menggambarkan beberapa elemen dan komponen penting dimensi al-Qalb dalam konseptual kepemimpinan Islam.

### 5.0 Rumusan

Kesimpulannya, qalb di dalam kepemimpinan Islam adalah sebuah kemestian, kerana yang memerintah dan yang diperintah adalah manusia yang memiliki qalb (hati). Justeru itu, konsep pemerintahan memerlukan elemen-elemen qalb bersih dan suci bagi menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang amanah dan berintegriti tinggi. Tiga dapatan kajian yang ditemui telah menjelaskan secara ringkas dan terperinci berkenaan elemen-elemen qalb yang penting dalam sesebuah kontstruk organisasi kepemimpinan Islam. Oleh itu, berikut pengkaji menyenaraikan elemen-elemen terkumpul berdasarkan tiga kajian di atas: kebijaksanaan, keadilan, keberanian, memelihara diri, hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, hubungan

dengan alam, pelaksanaan hisbat, amalan tazkiyah al-Nafs, hati yang bersih, bertanggungjawab dan menyemarakkan rasa cinta terhadap organisasi kepimpinan. Berdasarkan dua belas (12) elemen di atas dapat disimpulkan ianya adalah elemen yang penting untuk diimplimentasikan di dalam konstruk sesebuah kepimpinan Islam. Menjadi tanggungjawab bersama untuk ianya diamalkan dalam perspektif individu mahupun organisasi.

## Rujukan

- Abu Dardaa, Salasiah Hanin Hamjah, Arena Che Kasim & Mohamad Zulkifli Abd Ghani. (2014). *Peranan Spiritual Terhadap Pembentukan Personaliti Menurut al-Muhasibi dan al-Ghazali*. Prosiding Bicara Dakwah kali ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari.
- Ahmad Farid. (2012). *Tazkiyat al-Nafs: Mensucikan Jiwa*. Sukoharjo: Al-Hambra Publishing.
- Al-Ghazaliy. (1977). *Keajaiban hati*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. (1982). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Macrifah.
- Al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. (1995). *On Disciplining the Soul, Refining the Character, and Curing the Sickness of the Heart*. Cambridge: Islamic Texts Society.
- Al-Mawardi (Abu Al-Hasan Aliy Muhammad). (1993). *Al-Ahkam Al-Sultaniyyat wa Al-Wilayah Al-Diniyyah: Hukum-hukum pemerintahan dan kekuasaan agama*. Diterjemahkan oleh Uthman Khalid. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam (IPTI).
- Arief SALLEH bin ROSMAN (2007). *Islam dan Isu-Isu Semasa*. Skudai: Pusat Pengajian Islam UTM.
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbat dan pentadbiran negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Azrin Ibrahim. (2010). *Sejarah hisbat dan kajian kontemporari tentangnya di Malaysia*.
- Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah sarjana sains kemasyarakatan (pengurusan pembangunan Islam). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Engku Ahmad Zaki. (2020). Amanah Kepimpinan. *Harian Metro*, retrieved from:

<https://www.hmetro.com.my/addin/2020/10/626471/amanah-kepimpinan>.

Hellriegel, D., & Slocum, Jr. J.W. (1992). *Management* (6th ed.). New York: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.

Husna Abdul Wahab (2013). Hubungan Pendekatan Nilai-Nilai Positif Guru Besar Terhadap Sahsiah Guru Di Sekolah Rendah Negeri Johor. *Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Sumber Ilmiah Tidak Diterbitkan.

Ibn Taymiyyat. (1973). *Al-Hisbat fi al-Islam aw wazifat al-Hukumah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Iqro' Firdaus. (2016). *Berdamai dengan hati*. Indonesia: Penerbit Safirah.

Kamaruding, M., & Kamaruding, S. (2018). Aplikasi Kaedah Kepimpinan Berteraskan Qalb dalam Kalangan Pelaku Pembangunan: Application of Qalb-based Leadership among Development Actors. *Sains Insani*, 3(2), 83-88.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2016. *Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Mardzelah Makhsin. (2008). *Hisbah: Sistem pengawasan dan etika pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Muhammad, S. (1997). Kepimpinan Islam: Satu Agenda Pembangunan Ummah. *Jurnal Usuluddin*, 6, 131-148.

Noor, M. A., Rajikon, B., Muhamat, R., Saadan, R., & Jano, Z. (2015). Teori gaya kepimpinan barat diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam (Al-Quran) (Theory of western leadership style adapted from theory of Islamic leadership style (Al-Quran)). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(1), 73-92.

Panel Akademi Pengurusan YaPEIM. (2005). *Pengurusan dalam Islam menghayati prinsip dan nilai qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.

Razali, W. M. F. A. W., Noor, K. M., Mutalib, M. A., & Jailani, M. R. M. (2020). Empat Sifat Mulia yang Utama dalam Kepemimpinan Berasaskan Qalb: Pelajaran daripada Ihyā'cUlūm al-Dīn oleh Imam Al-Ghazali (450-505H/1058-1111M): Four Cardinal Virtues in Qalb-Based Leadership: Lessons from Ihyā'cUlūm al-Dīn by Imam Al- Ghazali (450-505H/1058-1111M). *Sains Insani*, 5(2), 141-156.

Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2010). *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam: Sejarah, Teori dan Pelaksanaan*. Selangor. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM.

Said Hawwa. (2000). *Mensucikan jiwa: Tazkiyatun nafs*. Diterjemah oleh Aunur Rafiq Shaleh. Jakarta: Robbani Press.

Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad, Siti Salwa Sawari, dan Samsudin Abd Hamid (2015). *Amalan Syura Sebagai Obligasi Kepimpinan Organisasi Pendidikan Abad Ke 21 Evolusi Berkonsepkan Kepimpinan Rasulullah SAW*. Kertas Kerja The 2nd International Convention on Islamic Management (iCIM2015) bertarikh 4-5 November: Universiti Malaya.

Thomas, S. K. & Wahju, A. R. 2007. *Kepimpinan Transformasional dan Pengaruhnya Terhadap Kepuasan Ke Atas Kualiti Kehidupan Kerja dan Komitmen Organisasi: Kajian Ke Atas Guru-Guru SMU di Kota Surabaya*. *Jurnal Manajemen Dan Kewirausahaan*. Vol. 98, No. 1, 2007: 49 – 61.